



DR Ahmad bertukar dokumen dengan O Cathain.

Pelajar UniSZA ke Ireland

Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, akan menghantar pelajar dan tenaga pengajar termasuk penyelidiknyanya ke Institut Teknologi Anthlone (AIT), Ireland.

Kerjasama strategik dengan AIT itu bertujuan mengembangkan aktiviti pendidikan antara kedua-dua negara menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani UniSZA dengan institut berkenaan.

Naib Canselor UniSZA Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latiff berkata, bidang kerjasama yang akan diberikan tumpuan

adalah berkaitan pertukaran pelajar antara kedua-dua pusat pengajian serta pertukaran tenaga pengajar dan penyelidik.

"Kerjasama ini membatikakan pertukaran maklumat dalam bidang akademik dan penerbitan serta kesepakatan dalam persidangan antarabangsa," katanya ditemui selepas majlis menandatangani MoU antara UniSZA dan AIT di sini, kelmarin.

Hadir sama Presiden AIT Prof Ciaran O Cathain dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UniSZA Brig Jeneral Datuk Prof Emeritus Dr Kamarudin Hussein.